

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN 2023

1. PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN (PSAG)

- 1.1 Seseorang yang ingin menduduki PSAG mestilah memohon menjadi calon dengan mengisi dan menghantar permohonan secara atas talian melalui Sistem Permohonan PSAG (*e-LPQB*).
- 1.2 Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia (Lembaga) tidak menjalankan apa-apa kursus pengajian bagi PSAG. Pemohon yang diterima dan didaftarkan sebagai calon boleh membuat persiapan sendiri bagi PSAG atau mengikuti kursus pengajian yang dijalankan oleh mana-mana institusi pengajian awam atau kolej swasta. **Lembaga tidak mengiktiraf mana-mana institusi pengajian awam atau kolej swasta sebagai badan rasmi untuk menjalankan kursus pengajian bagi pihak Lembaga.**
- 1.3 Lembaga hanya mengendalikan hal-hal berkaitan PSAG seperti berikut:
- i. memproses permohonan calon;
 - ii. mendaftarkan calon yang layak;
 - iii. menyediakan sukatan pelajaran;
 - iv. menyediakan kertas soalan;
 - v. menguruskan dan menjalankan peperiksaan;
 - vi. mengagihkan skrip jawapan untuk pemarkahan;
 - vii. memproses dan mengumumkan keputusan;
 - viii. menyediakan dan mengeluarkan Sijil Amalan Guaman; dan
 - ix. menguruskan Majlis Konvokesyen PSAG.

2. SYARAT-SYARAT MENDUDUKI PSAG

2.1 PSAG hanya terbuka kepada warganegara Persekutuan atau pemastautin tetap Malaysia serta warganegara Brunei Darussalam yang memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (ijazah undang-undang) yang dianugerahkan oleh universiti-universiti di Malaysia, United Kingdom, Australia dan New Zealand yang diiktiraf oleh Lembaga seperti yang berikut:

NEGARA	UNIVERSITI/ INSTITUSI/ BADAN	KELAYAKAN	TARIKH KUAT-KUASA
MALAYSIA	1. Universiti Malaya	<i>Bachelor of Jurisprudence (External)</i>	18 Mac 1996
	2. Universiti Teknologi MARA	<i>Bachelor of Legal Studies (Hons)</i>	6 Disember 2007
	3. Universiti Sultan Zainal Abidin	<i>Bachelor of Laws (Hons)</i> (Bagi graduan yang tamat sebelum 2015)	19 Februari 2016
	4. Universiti Sains Islam Malaysia	<i>Bachelor of Syariah and Law (Hons)</i>	24 April 2016
	5. <i>Taylor's University</i>	<i>Bachelor of Laws</i>	19 Februari 2016
	6. <i>Help University</i>	<i>Bachelor of Law</i> (Bagi graduan yang mendaftar bermula Januari 2014)	26 Jun 2019
UNITED KINGDOM	1. <i>University of Birmingham</i>	LL.B	1 Januari 2001
	2. <i>University of Bristol</i>	LL.B	

3. <i>University of Cambridge</i>	BA
4. <i>University of East Anglia</i>	LL.B
5. <i>University of Essex</i>	LL.B
6. <i>University of Exeter</i>	LL.B
7. <i>University of Hertfordshire</i>	LL.B
8. <i>University of Hull</i>	LL.B
9. <i>University of Leeds</i>	LL.B
10. <i>University of Leicester</i>	LL.B
11. <i>University of Liverpool</i>	LL.B
<i>University of London:</i>	
12. <i>London School of Economics and Political Science</i>	LL.B
13. <i>School of Oriental & African Studies</i>	LL.B
14. <i>Queen Mary University of London</i>	LL.B
15. <i>King's College London</i>	LL.B
16. <i>University College London</i>	LL.B
17. <i>University of Manchester</i>	LL.B
18. <i>University of Northumbria at Newcastle</i>	LL.B
19. <i>University of Nottingham</i>	LL.B

	20. <i>Nottingham Trent University</i>	LL.B	
	21. <i>Oxford Brookes University</i>	LL.B	
	22. <i>University of Oxford</i>	BA	
	23. <i>Queen's University Belfast</i>	LL.B	
	24. <i>University of Reading</i>	LL.B	
	25. <i>University of Sheffield</i>	LL.B	
	26. <i>University of Southampton</i>	LL.B	
	27. <i>Aberystwyth University</i>	LL.B	
	28. <i>Cardiff University</i>	LL.B	
	29. <i>University of Warwick</i>	LL.B	
	30. <i>University of West of England in Bristol</i>	LL.B	
AUSTRALIA	1. <i>University of Adelaide</i>	LL.B	1 Mei 1999
	2. <i>Australian National University</i>	LL.B	
	3. <i>Macquarie University</i>	LL.B	
	4. <i>Monash University</i>	LL.B	
	5. <i>University of Melbourne</i>	LL.B/ JURIS DOCTOR (JD) (for those who have registered beginning year 2008)	
	6. <i>University of New South Wales</i>	LL.B	

	7. <i>University of Queensland</i>	LL.B	
	8. <i>University of Sydney</i>	LL.B	
	9. <i>University of Tasmania</i>	LL.B	
	10. <i>University of Western Australia</i>	LL.B/ JURIS DOCTOR (JD) (for those who have registered beginning year 2013)	
	11. <i>University of Technology, Sydney</i>	LL.B	
	12. <i>Bond University, Queensland</i>	LL.B	
	13. <i>Murdoch University</i>	LL.B	
	14. <i>Queensland University of Technology</i>	LL.B	
NEW ZEALAND	1. <i>University of Auckland</i>	LL.B	1 Mei 1999
	2. <i>University of Canterbury</i>	LL.B	
	3. <i>University of Otago</i>	LL.B	
	4. <i>Victoria University of Wellington</i>	LL.B	
	5. <i>University of Waikato</i>	LL.B	

2.2 Bagi pemegang ijazah undang-undang dari universiti di **United Kingdom** yang diiktiraf oleh Lembaga, pemohon **MESTILAH** memenuhi semua syarat seperti yang terkandung di dalam "*New Guidelines on Qualifications and Requirements to Qualify to sit for the Malaysian Certificate in Legal Practice (CLP) Examination (for Law Degrees from the United Kingdom)*" (*UK Guidelines*) yang dikeluarkan oleh Lembaga pada 18 Mac 1995 yang juga boleh dicapai di Portal Lembaga, dibaca bersama *Clarification*, *Statement* dan *Press Release* yang juga dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

2.3 Bagi pemegang ijazah undang-undang dari universiti di **Australia** atau **New Zealand** seperti yang disenaraikan dalam jadual di atas **selepas 1 Mei 1999** hendaklah menduduki dan lulus PSAG sebelum boleh menjadi orang berkelayakan di bawah Akta 166. Pemegang ijazah undang-undang ini **MESTILAH** memenuhi semua syarat yang terkandung di dalam "*Guidelines on Qualifications and Requirements for Recognition of holders of Australian and New Zealand Law Degrees to become 'Qualified Persons' under the Legal Profession Act 1976*" (ANZ Guidelines) yang dikeluarkan oleh Lembaga pada 30 April 1998 yang juga boleh dicapai di Portal Pejabat Lembaga, dibaca bersama *Statement* dan *Press Release* yang juga dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

DAN

2.4 Bagi pemegang ijazah undang-undang yang diiktiraf yang telah mendaftar ke program Ijazah tersebut **sebelum** tarikh **5 Jun 2018** hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian di peringkat SPM/ setaraf yang diperoleh dalam satu (1) peperiksaan yang sama.

2.5 Manakala, bagi pemegang ijazah undang-undang yang diiktiraf yang telah mendaftar ke program Ijazah tersebut **selepas** tarikh **5 Jun 2018**, hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian di peringkat SPM/ setaraf yang diperoleh dalam satu (1) peperiksaan yang sama.

2.6 Kelayakan yang diterima sebagai setaraf dengan SPM adalah:

BIL.	SIJIL KELAYAKAN
1.	<i>Malaysia Certificate of Education (MCE)</i>
2.	<i>GCE 'O' level examinations by the U.K. Boards:</i> <i>a. Cambridge International Examination</i> <i>International General Certificate of Secondary Education (IGCSE 'O' Level)</i>

- b. *Brunei Cambridge GCE 'O' Level*
- c. *Singapore Cambridge GCE 'O' level*
- d. *Pearson Edexcel*
- e. *Assessment and Qualifications Alliance (AQA)*
- f. *Oxford, Cambridge and RSA Exams (OCR)*
- g. *Welsh Joint Examinations Committee (WJEC)*
- h. *Council for Curriculum and Examinations Assessment (CCEA)*

3. *School Certificate examination in Australia - Year 10/ Year 11:*

- a. *Australian Capital Territory: Year 10 Certificate*
- b. *New South Wales: Year 10 Certificate*
- c. *Northern Territory: Junior Secondary Studies Certificate - Year 10*
(dianugerahkan oleh *Northern Territory Board of Studies* sehingga 1999)
- d. *Queensland: Year 10 Certificate* (menggantikan *Junior Certificate*)
- e. *Tasmanian Certificate of Education (TCE):*
(menggantikan *School Certificate - Year 10* sehingga 1990)

4. *National Certificate in Educational Achievement (NCEA) Level 2:*

(menggantikan *Sixth Form School Certificate Examination for New Zealand Secondary Schools – Form 6* pada 2003)

5. *High School Diploma (American Curriculum)* (bagi kemasukan pelajar sebelum dan pada tahun 2014)

- * Sijil kelayakan yang tidak tersenarai di dalam jadual di perenggan 2.6 di atas tidak akan diterima bagi tujuan menduduki PSAG.

DAN

Pemohon hendaklah memperoleh kelulusan penuh untuk sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ setaraf yang diperoleh dalam satu (1) peperiksaan yang sama. Tempoh kursus STPM/ setaraf hendaklah dalam tempoh minimum satu (1) tahun akademik.

2.7 Kelayakan yang diterima sebagai setaraf dengan STPM atau memenuhi syarat di peringkat ini adalah:

BIL.	SIJIL KELAYAKAN
1.	<p>Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (sekurang-kurangnya Lulus (Maqbul))</p>
2.	<p><i>Higher School Certificate (HSC)</i></p>
3.	<p>'A' Level (at least two (2) at Advanced Level) by the U.K.Boards:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Cambridge International Examination:</i> <i>International General Certificate of Secondary Education (IGCSE 'A' Level)</i> b. <i>Brunei Cambridge GCE 'A' Level</i> c. <i>Singapore Cambridge GCE 'A' level</i> d. <i>Pearson Edexcel</i> e. <i>Assessment and Qualifications Alliance (AQA)</i> f. <i>Oxford, Cambridge and RSA Exams (OCR)</i> g. <i>Welsh Joint Examinations Committee (WJEC)</i> h. <i>Council for Curriculum and Examinations Assessment (CCEA)</i>

4.	<p><i>Australian Matriculation Examination:</i></p> <p><i>a. Australian Matriculation examination:</i></p> <p><i>Australian Matriculation Programme (AUSMAT)</i></p> <p><i>b. South Australian Matriculation (SAM) dengan kerjasama Senior Secondary Assessment Board of South Australia (SSABSA)</i></p>
5.	<p><i>School Certificate examination in Australia - Year 12:</i></p> <p><i>i. Australian Capital Territory: Year 12 Certificate</i></p> <p><i>ii. New South Wales Higher School Certificate (HSC)</i></p> <p><i>iii. Northern Territory Certificate of Education (NTCE):</i></p> <p><i>(menggantikan South Australian Certificate of Education - Year 12 pada 1995)</i></p> <p><i>iv. Queensland Senior Certificate</i></p> <p><i>v. South Australian Certificate of Education (SACE):</i></p> <p><i>(menggantikan Certificate of Achievement - Year 12 pada 1993)</i></p> <p><i>vi. Tasmanian Certificate of Education (TCE):</i></p> <p><i>(menggantikan Higher School Certificate - Year 12 pada 1990)</i></p> <p><i>vii. Victorian Certificate of Education (VCE):</i></p> <p><i>(menggantikan HSC pada 1992)</i></p> <p><i>viii. Western Australia Certificate of Education (WACE) bermula 1997</i></p>
6.	<p><i>New Zealand University Entrance Level 3:</i></p> <p><i>(menggantikan New Zealand Bursaries Examination – Form 7 pada 2004)</i></p>
7.	<p><i>International Baccalaureate Diploma (IB)</i></p>
8.	<p><i>High School Diploma (American Curriculum)</i></p> <p><i>(bagi kemasukan pelajar mulai tahun 2015 dan ke atas sahaja)</i></p>

9.	Sijil Asasi/ <i>Foundation</i> dari Universiti Awam (UA)
10.	Sijil Asasi/ <i>Foundation</i> dari Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)*
11.	Sijil Matrikulasi dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
12.	Diploma dari Universiti Awam (UA)
13.	Diploma dari Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)*
14.	Ijazah pertama dari Universiti Awam (UA)
15.	Ijazah pertama dari Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara dan luar negara*

Note : * Sijil kelayakan ini hanya akan diterima, dengan syarat program yang dijalankan telah diberi akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pemohon dikehendaki memuat naik sijil kelayakan berserta pengesahan program tersebut yang telah diberi akreditasi oleh MQA dengan membuat semakan melalui pautan <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>.

2.8 Seseorang yang memohon dengan kelayakan *Unified Examination Certificate (UEC)*-

- i. Bagi pemegang ijazah undang-undang yang diiktiraf yang telah mendaftar ke program Ijazah tersebut **sebelum** tarikh **5 Jun 2018**, pemohon perlulah memperoleh sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian di peringkat SPM atau setaraf, yang diperoleh dalam satu peperiksaan yang sama **atau** dua (2) kelulusan penuh di peringkat STPM/ 'A' Level, yang diperoleh dalam satu peperiksaan yang sama seperti yang dinyatakan :-

- SPM/'O'-Level (3 Kredit) + UEC (2 Lulus penuh); atau
- UEC + STPM (2 Lulus penuh); atau
- UEC + 'A' - Level (2 Passed in Advanced Level).

- ii. Manakala, bagi pemegang ijazah undang-undang yang diiktiraf yang telah mendaftar ke program Ijazah tersebut **selepas** tarikh **5 Jun 2018**, pemohon perlu memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian di peringkat SPM atau setaraf **dan** perlu mendapat kelulusan UEC pada tahap *Senior Middle* 3 dalam satu peperiksaan yang sama.

*** Sijil kelayakan yang tidak tersenarai di dalam jadual di perenggan 2.7 dan 2.8 di atas tidak akan diterima bagi tujuan menduduki PSAG.**

DAN

2.9 Ijazah undang-undang seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 2.1 hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:

- i. tempoh pengajian adalah minimum tiga (3) tahun akademik;
- ii. minimum dua belas (12) mata pelajaran undang-undang telah dipelajari dan daripadanya, telah lulus enam (6) mata pelajaran teras iaitu Undang-Undang Kontrak; Undang-Undang Tort; Undang-Undang Perlembagaan; Undang-Undang Jenayah; Undang-Undang Tanah; dan Undang-Undang Ekuiti & Amanah dan tempoh pembelajaran bagi setiap satu (1) mata pelajaran teras tersebut adalah satu (1) tahun akademik;
- iii. ijazah undang-undang **dianugerahkan dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh pendaftaran pertama dalam program ijazah LL.B yang berkenaan melainkan:**
 - bagi pemegang ijazah undang-undang *University of London (External)* yang mendaftar **sebelum 1 September 2016**, tempoh pengajian **maksimum tujuh (7) tahun** adalah dikira dari tahun pertama akademik dan bagi yang mendaftar **selepas 1 September**

2016, tempoh pengajian maksima enam (6) tahun adalah dikira dari tahun pendaftaran; dan

- bagi pemegang ijazah *Bachelor of Jurisprudence (External)*, Universiti Malaya dibenarkan menamatkan pengajian **dalam tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh pendaftaran pertama dalam program undang-undang yang berkenaan.**
 - bagi pemegang ijazah *Bachelor of Legal Studies (Hons) ('BLS (Hons)')* di Universiti Teknologi Mara (UITM) secara **pengajian luar kampus (*off campus*)** bermula pada bulan Disember 2002 dibenarkan menamatkan pengajian **dalam tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh pendaftaran pertama dalam program undang-undang yang berkenaan.**
- iv. Seseorang yang mendaftar bagi mengikuti program ijazah undang-undang *University of London (External)* selepas **31 Disember 2001** layak menduduki PSAG dengan syarat memperoleh **sekurang-kurangnya Ijazah Kelas Dua Rendah** dalam program tersebut.

Lembaga tidak terikat untuk menerima seseorang pemohon sebagai calon PSAG sehingga pemohon diberitahu secara rasmi tentang penerimaannya sebagai calon oleh Pejabat Lembaga.

3. MATA PELAJARAN PSAG

3.1 Untuk lulus PSAG dan mendapatkan Sijil Amalan Guaman, calon dikehendaki mendaftar untuk menduduki dan **lulus kesemua lima (5) mata pelajaran** di dalam satu (1) peperiksaan yang sama iaitu seperti yang berikut:

- i. Kertas Am;
- ii. Prosedur Sivil;
- iii. Prosedur Jenayah;
- iv. Keterangan; dan
- v. Amalan Profesional.

3.2 Pengecualian dari mana-mana mata pelajaran PSAG tidak akan diberikan.

4. SUKATAN PELAJARAN PSAG

4.1 Sukatan pelajaran PSAG ditentukan oleh Lembaga. Setiap calon yang didaftarkan akan dibenarkan mengakses Sukatan Mata Pelajaran untuk kelima-lima mata pelajaran PSAG untuk tempoh masa yang ditetapkan sebagai panduan dan rujukan di dalam persediaan menghadapi PSAG. **Kesemua soalan PSAG adalah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang dibekalkan.**

4.2 Sukatan pelajaran bagi kelima-lima mata pelajaran yang berkenaan secara ringkasnya adalah seperti yang berikut:

i. **Kertas Am**

Kertas ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian:

- **Tanggungan dan Remedi untuk Undang-Undang Kontrak**

Calon akan dikehendaki memberi nasihat dan mendraf pliding bagi kes yang melibatkan undang-undang kontrak dengan penekanan kepada aspek remedi; dan

- **Tanggungan dan Remedi untuk Undang-Undang Tort**

Calon akan dikehendaki memberi nasihat dan mendraf pliding bagi kes yang melibatkan undang-undang tort. **Sila ambil perhatian** bahawa, soalan-soalan boleh merangkumi apa-apa aspek liabiliti tort seperti mana yang telah digariskan dalam skop sukatan pelajaran dan **tidak terhad** kepada kes kemalangan kenderaan motor sahaja.

ii. **Prosedur Sivil**

Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai prosedur sivil di semua peringkat mahkamah (Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan). Calon dikehendaki **menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini;

iii. **Prosedur Jenayah**

Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai prosedur jenayah di semua peringkat mahkamah (Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan). Calon dikehendaki **menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini;

iv. **Keterangan**

Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai undang-undang keterangan seperti yang terkandung dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56). Calon dikehendaki **menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini; dan

v. **Amalan Profesional**

Kertas ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian:

- **Bahagian A:**
 - Kepeguaman dan Kewajipan Peguam

- Etika Profesion Undang-Undang

- **Bahagian B:**

- Undang-undang Tanah dan Urusan Tanah
- Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat
- Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka

Calon dikehendaki menjawab dua (2) soalan dari Bahagian A dan tiga (3) soalan dari Bahagian B.

- 4.3 Sila rujuk Sukatan Mata Pelajaran untuk butir-butir lanjut dan terperinci mengenai setiap mata pelajaran PSAG.

5. PEPERIKSAAN UTAMA & PEPERIKSAAN TAMBAHAN

- 5.1 PSAG diadakan **dua (2) kali setahun** iaitu **Peperiksaan Utama** dan **Peperiksaan Tambahan**. Calon-calon akan dimaklumkan mengenai jadual waktu dan Tarikh bagi Peperiksaan Utama dan Peperiksaan Tambahan kemudian.

- 5.1 Waktu peperiksaan untuk setiap mata pelajaran adalah selama **tiga (3) jam**.

- 5.3 Calon yang **gagal dalam satu (1)** dari lima (5) mata pelajaran yang diambil dalam Peperiksaan Utama akan diberikan **Kelulusan Bersyarat**. Calon sedemikian dibenarkan menduduki semula peperiksaan bagi satu (1) mata pelajaran yang beliau gagal itu. Calon dibenarkan mengambil semula satu (1) mata pelajaran yang gagal itu sebanyak **tiga (3) kali percubaan dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun calon mendaftar untuk menduduki PSAG**. Menduduki semula peperiksaan bagi satu (1) mata pelajaran yang gagal itu adalah **dikira sebagai satu (1) percubaan** di dalam PSAG. Jika calon masih gagal mata pelajaran itu selepas tiga (3) kali percubaan dalam tempoh lima (5) tahun tersebut, calon tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula bagi menduduki PSAG.

- 5.4 Seseorang calon yang **gagal dalam dua (2) atau lebih mata pelajaran** akan dianggap telah **gagal PSAG pada keseluruhannya**. Calon sedemikian perlu mengambil semula kelima-lima mata pelajaran PSAG, calon hanya dibenarkan menduduki PSAG **sebanyak empat (4) kali percubaan** dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun calon mendaftar untuk menduduki PSAG. **Jika calon masih gagal dalam dua (2) atau lebih mata pelajaran dan telah menduduki empat (4) kali percubaan dalam tempoh lima (5) tahun itu**, calon tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula bagi menduduki PSAG.
- 5.5 Keputusan yang diperoleh oleh calon pada hari keputusan peperiksaan diumumkan adalah **MUKTAMAD** dan tiada rayuan atau semakan semula yang berkaitan dengan keputusan peperiksaan atau kertas jawapan dibenarkan.
- 5.6 Senarai calon yang memperolehi keputusan Lulus dan Lulus Bersyarat akan dipaparkan di papan kenyataan serta portal Pejabat Lembaga.

6. YURAN PEMROSESAN, YURAN PENDAFTARAN DAN YURAN PEPERIKSAAN

- 6.1 **Yuran Pemprosesan sebanyak RM250.00 TIDAK AKAN** dikembalikan dan hendaklah dibayar semasa permohonan dibuat. Pejabat Lembaga tidak akan memproses permohonan sehingga Yuran Pemprosesan ini diterima. Pembayaran Yuran Pemprosesan ini oleh, atau bagi pihak, pemohon tidak secara sendirinya, mewujudkan terdapat apa-apa kontrak di antara Lembaga dan pemohon atau menjamin permohonan akan diluluskan.
- 6.2 Setiap calon yang ingin menduduki PSAG perlu membayar Yuran Pendaftaran berjumlah RM4,000.00 (**sekali sahaja** pada tahun pertama) dan Yuran Peperiksaan berjumlah RM1,800.00. Oleh itu, jumlah yuran yang perlu dibayar semasa pendaftaran adalah **RM5,800.00**. Kesemua bayaran ini hendaklah dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Pejabat Lembaga seperti yang dinyatakan di

dalam surat tawaran yang dikemukakan kepada calon. Apa-apa lanjutan masa tidak akan dibenarkan dan sebarang rayuan berhubung perkara ini tidak akan dilayan.

- 6.3 Setiap calon mengulang yang mendaftar untuk menduduki PSAG dan mengambil lima (5) mata pelajaran dikehendaki membayar Yuran Peperiksaan berjumlah RM1,800.00 untuk **setiap kali** peperiksaan yang diambil.
- 6.4 Setiap calon mengulang yang mendaftar untuk menduduki PSAG dan mengambil satu (1) mata pelajaran dikehendaki membayar Yuran Peperiksaan Tambahan berjumlah RM1,000.00 untuk **setiap kali** peperiksaan yang diambil.
- 6.5 Yuran Pendaftaran dan Yuran Peperiksaan **TIDAK AKAN** dikembalikan sekiranya calon menamatkan pencalonannya atau jika calon menarik diri atau tidak mengambil semua atau mana-mana bahagian peperiksaan.
- 6.6 Semua bayaran hendaklah dibuat secara atas talian dalam Ringgit Malaysia (RM) dan apa-apa kos penukaran mata wang atau apa-apa caj yang dikenakan dalam membuat bayaran hendaklah ditanggung oleh calon dan tidak boleh ditolak dari jumlah yang perlu dibayar kepada Pejabat Lembaga.

7. PENDAFTARAN PENCALONAN

- 7.1 Sesuatu pendaftaran pencalonan adalah sah untuk tempoh **lima (5) tahun sahaja** dan calon hanya dibenarkan menduduki PSAG **sebanyak empat (4) kali percubaan** dalam tempoh pendaftaran tersebut. Selepas percubaan kali keempat dan masih gagal **ATAU** jika tempoh pendaftaran lima (5) tahun telah tamat, pendaftaran pencalonan itu akan tamat mengikut yang mana berlaku dahulu. Jika ini berlaku, calon tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula untuk menduduki PSAG seterusnya.
- 7.2 Setiap calon yang telah mendaftar dan membuat bayaran bagi menduduki peperiksaan hendaklah hadir untuk menduduki peperiksaan pada hari dan masa yang

telah ditetapkan. Jika calon tidak hadir, **bayaran pendaftaran dan peperiksaan tidak akan dikembalikan** walaupun calon masih mempunyai bilangan percubaan dan tempoh pendaftaran lima (5) tahun yang masih sah. Calon perlu membayar semula bagi menduduki peperiksaan yang seterusnya dengan syarat bilangan percubaan dan tempoh pendaftaran masih sah; dan

8. TRANSKRIP RASMI

8.1 Pejabat Lembaga memerlukan transkrip rasmi daripada pihak universiti/ kolej di mana pemohon belajar untuk mengesahkan:

- i. tarikh pendaftaran atau tarikh permulaan program ijazah LL.B;
- ii. semua mata pelajaran yang telah diambil oleh pemohon;
- iii. tarikh dan butir-butir keputusan bagi setiap peperiksaan yang diambil oleh pemohon; dan
- iv. transkrip tersebut ditandatangani oleh individu yang telah diberi kuasa oleh pihak universiti beserta cop rasmi universiti berkenaan (*official stamp/common seal/watermark*).

8.2 Cara penghantaran transkrip rasmi ijazah undang-undang daripada **universiti luar negara**:

- i. Bagi universiti luar negara, pemohon dikehendaki menulis surat/ e-mel dan meminta pihak universiti berkenaan mengirimkan transkrip rasmi yang asal (*hardcopy*) **terus kepada**:

*Director
Certificate in Legal Practice Examination,
Legal Profession Qualifying Board Malaysia,
Unit 22-01, Level 22, Tower 2, Bank Rakyat Twin Tower,
No. 33, Jalan Rakyat, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.*

ATAU

- ii. Pihak universiti berkenaan juga boleh mengirimkan transkrip *digital* terus **melalui e-mel** Pejabat Lembaga di clptranscript@lpqb.org.my.
 - a. Transkrip *digital* hendaklah menggunakan format yang sama seperti transkrip *hardcopy* dan mempunyai tandatangan individu yang telah diberi kuasa oleh pihak universiti beserta cop rasmi universiti berkenaan (*official stamp/common seal/watermark*).
 - b. Pejabat Lembaga tidak akan menerima transkrip *digital* yang dikemukakan oleh pemohon sendiri atau melalui mana-mana individu yang tidak diberi kuasa oleh pihak universiti.

8.3 Cara penghantaran transkrip rasmi ijazah undang-undang daripada **universiti/ kolej tempatan**:

- i. Bagi universiti/ kolej tempatan pula, cara penghantaran transkrip **kekalkan seperti biasa** iaitu pemohon dikehendaki menulis surat/ e-mel dan meminta pihak universiti/ kolej berkenaan mengirimkan transkrip rasmi yang asal (*hardcopy*) **terus kepada**:

Pengarah

Peperiksaan Sijil Amalan Guaman,

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia,

Unit 22-01, Aras 22, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat,

No. 33, Jalan Rakyat, 50470, Kuala Lumpur.

- ii. Pejabat Lembaga tidak akan menerima transkrip yang dikemukakan oleh pemohon sendiri atau mana-mana individu yang tidak diberikan kuasa oleh pihak universiti.

8.4 Pejabat Lembaga tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kerosakan/ kehilangan transkrip tersebut semasa proses penghantaran dilakukan.

- 8.5 Calon yang memperolehi kelayakan Ijazah LL.B melalui Program Berkembar (*Twinning Programmes* 1+2 format atau 2+1 format) dikehendaki menulis surat/ e-mel dan memohon kedua-dua (2) transkrip dari pihak universiti di luar negara dan kolej tempatan.

9. PROSEDUR PERMOHONAN

- 9.1 Pemohon boleh membuat permohonan kepada Pejabat Lembaga sebaik sahaja pihak universiti/ kolej yang berkenaan telah diminta untuk mengirimkan transkrip rasmi pemohon.
- 9.2 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi borang permohonan yang terdapat dalam *e-LPQB* berdasarkan arahan seperti yang berikut dan **Pejabat Lembaga berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak mematuhi arahan-arahan ini:**
- i. Memuat naik gambar berwarna berukuran passport **terkini yang jelas dengan latar belakang berwarna biru** dengan menggunakan format **jpg/ jpeg/ gif/ png** sahaja;
 - ii. Memuat naik dokumen berikut yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Ketua Jabatan, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional), Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pengetua, Guru Besar, Penghulu atau Notari Awam.
 - Sijil Kelahiran;
 - Sijil Kewarganegaraan (jika ada);
 - Salinan kad pengenalan yang **berwarna** untuk kedua-dua bahagian depan dan belakang di dalam **satu (1) muka surat sahaja**;
 - Sijil kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf :

- Salinan Sijil dan **BUKAN** salinan slip keputusan peperiksaan.
- Sijil kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ setaraf :
 - a) STPM/ A-Level
 - Salinan Sijil dan **BUKAN** salinan slip keputusan peperiksaan.
 - b) Sijil Asasi (*Foundation*)/ Diploma/ Ijazah Pertama dari IPTS
 - **Salinan Sijil berserta transkrip.**
 - **Pengesahan MQA**
 - c) Sijil Asasi (*Foundation*)/ Diploma/ Ijazah Pertama dari Universiti Awam (UA)
 - **Salinan Sijil berserta transkrip.**
- Skrol ijazah; dan
- Salinan borang/ surat/ e-mel permohonan transkrip kepada pihak universiti/ kolej; dan
- iii. **Cop pengesahan yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Ketua Jabatan, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional), Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pengetua, Guru Besar, Penghulu atau Notari Awam hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:**
 - **Salinan diakui sah/ *Certified true copy***
 - **Nama penuh dan Jawatan**
 - **Tandatangan**
 - **Tarikh**
 - **Tempat beramal (Notari Awam)**
 - **Tarikh luput (Notari Awam)**

***Pegawai yang mengesahkan dokumen hendaklah tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan pemohon.**

***Apa-apa dokumen yang tidak disahkan oleh Pegawai/ Individu yang dinyatakan di perenggan (iii) dan/ atau tidak mempunyai butiran yang dinyatakan tidak akan diterima oleh pejabat Lembaga dan permohonan calon akan di tolak.**

iv. Bagi **pelajar matang** pula hendaklah memuat naik:

- Surat pengesahan penerimaan sebagai pelajar matang oleh pihak universiti/ kolej yang mengesahkan calon diterima atas dasar bahawa calon mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya **5 tahun sebelum mendaftar** ke program ijazah LL.B; dan
- Surat pengesahan majikan yang telah dikemukakan oleh pemohon **ketika membuat permohonan** di universiti/ kolej untuk mengikuti program ijazah LL.B yang mengesahkan pemohon mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

9.3 Semua dokumen yang dinyatakan di subperenggan 9.2 (ii - iii) di atas, hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Tidak melebihi 2mb setiap fail.
- ii. Nama fail tanpa symbol (*'"/);).
- iii. **Nama mesti sama seperti di dalam sijil kelahiran dan kad pengenalan. (Bagi pemohon yang telah membuat pertukaran nama, sila kemukakan dokumen pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara dan dokumen pengesahan lain dari pihak yang berkaitan)**
- iv. Jelas untuk dilihat dan dibaca.
- v. Menggunakan format **pdf** sahaja.
- vi. Dokumen hendaklah dikemukakan dalam keadaan menegak.
- vii. Dokumen hendaklah diimbas (*scan*) sepenuhnya mengikut salinan asal dan **dokumen yang diambil menggunakan telefon bimbit tidak akan diterima.**

9.4 **Pejabat Lembaga berhak untuk menolak sebarang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan.**

9.5 Permohonan hendaklah diterima oleh Pejabat Lembaga pada atau sebelum tarikh tutup yang dinyatakan dalam pengumuman pendaftaran. **PERMOHONAN YANG DITERIMA SELEPAS TARIKH TUTUP PENDAFTARAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

10. PINDAAN

Pejabat Lembaga berhak membuat pindaan ke atas mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Syarat-Syarat Kemasukan PSAG ini dari semasa ke semasa.